



# **AKULTURASI IMIGRAN FILIPINA GENERASI PERTAMA DAN KEDUA DI SABAH**

**HALINA SENDERA MOHD. YAKIN**



**Universiti Malaysia Sabah  
Kota Kinabalu**

**AKULTURASI  
IMIGRAN FILIPINA  
GENERASI PERTAMA DAN KEDUA  
DI SABAH**

*Masuk kandang kambing mengembek,  
masuk kandang harimau mengaum.*

*Namun,  
walau di mana kita berada, akar jangan dilupa.*

**AKULTURASI  
IMIGRAN FILIPINA  
GENERASI PERTAMA DAN KEDUA  
DI SABAH**

**HALINA SENDERA MOHD. YAKIN**

**Universiti Malaysia Sabah  
Kota Kinabalu**

**2003**

© Universiti Malaysia Sabah, 2003  
First published / Terbitan pertama, 2003

Semua hak terpelihara.  
Tiada mana-mana bahagian daripada  
penerbitan ini boleh disimpan atau diterbitkan semula  
atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara jua  
sekalipun termasuk cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman  
digital, tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit  
Universiti Malaysia Sabah. Keizinan mendapat hak  
terbitan daripada hak cipta ini tertakluk kepada  
bayaran royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Halina Sendera Mohd. Yakin, 1974 -

Akulturası imigran Filipina generasi pertama dan kedua di Sabah  
/ Halina Sendera Mohd. Yakin.

ISBN983-2641-03-9

1. Filipinos -- Cultural assimilation -- Sabah. 2. Sabah -- Emigration  
and immigration. 3. Acculturation -- Philippines. 4. Ethnology -- Sabah.

I. Judul. II. Siri.

303.482595210599

Published in Malaysia by / Diterbitkan di Malaysia oleh  
PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
Locked Bag 2073, 88999 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

*Printed in Malaysia by / Dicitak di Malaysia oleh*  
**PERCETAKAN PENDALAMAN KENINGAU (PMS/UPK/000-002026)**  
Lot 26, Phase 1, HSK Industrial Centre, Penampang.  
Tel : 088-716934, 713125 Fax : 088-723725

## PRAWACANA

Setiap kelompok komuniti mempunyai identiti budayanya sendiri. Pada pandangan saya, persoalan mengenai identiti budaya ini sangat menarik untuk dikaji dan dibicarakan kerana ia mempunyai pertalian rapat dengan pelbagai aspek kehidupan manusia di dunia ini. Identiti budaya bukan hanya dapat menggambarkan struktur kehidupan dan ketamadunan sesebuah komuniti, malah ia turut memainkan peranan dalam pembangunan sesebuah negara. Identiti budaya boleh diibaratkan sebagai lambang atau jatidiri seseorang individu atau sesuatu komuniti yang bermaksud perkongsian sesuatu nilai di dalam kehidupan manusia seharian yang merangkumi aspek bahasa, tingkahlaku, corak kehidupan, amalan dan adat istiadat, norma serta nilai-nilai moral dan sebagainya. Ianya dapat mencerminkan, mencorakkan dan membentuk diri serta tingkahlaku individu dalam satu kumpulan budaya di samping memberi panduan dalam kehidupan seharian. Identiti budaya adalah sesuatu yang sukar untuk diubah atau dibuang kerana identiti tersebut telah dipelajari atau dipraktikkan dalam diri individu sejak awal lagi samada secara formal atau tidak formal.

Namun begitu, identiti budaya bukannya sesuatu yang statik. Ianya boleh diubah sekiranya ia tidak lagi sesuai dipraktikkan atau ditokok tambah untuk disesuaikan dengan persekitaran yang baru. Proses akulturasi merupakan satu aspek yang dapat menggambarkan perubahan dalam identiti budaya sesebuah masyarakat. Perubahan atau pengubahsuaian dalam identiti budaya dapat dilakukan menerusi komunikasi atau interaksi sosial yang mempengaruhi aliran tingkahlaku masyarakat.

Salah satu faktor yang menyumbang terhadap fenomena akulturasi ataupun proses pembudayaan ialah proses migrasi ke negara baru. Ini kerana migrasi ke negara yang mempunyai budaya berbeza memerlukan para imigran untuk mengadaptasikan diri dengan persekitaran budaya baru dan dalam proses tersebut perubahan budaya sering terjadi. Negeri Sabah merupakan antara negeri yang sering dikunjungi oleh para imigran terutamanya dari negara-negara serantau seperti Indonesia dan Filipina. Masyarakat Filipina yang berhijrah ke negeri ini terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan salah satunya ialah masyarakat Ubian yang menjadi fokus kajian ini.

Dalam bab satu, saya telah menghuraikan dengan jelas persoalan-persoalan berhubung dengan proses migrasi imigran Filipina ke Sabah khususnya masyarakat Ubian Filipina yang menempati perkampungan masyarakat tempatan di Kampung Baru-Baru, Tuaran, Sabah. Dalam bab ini juga, saya telah mengemukakan tiga persoalan kajian yang secara umumnya berhasrat untuk menyingkap dan meninjau persoalan berhubung dengan perbandingan akulturasi di kalangan imigran Filipina generasi pertama dan kedua. Secara khususnya, ia memfokuskan kepada strategi-strategi akulturasi yang digunakan oleh para imigran ini dengan menekankan kepada aspek tingkahlaku komunikasi mereka.

Bertitik tolak daripada persoalan-persoalan tersebut, dalam bab dua, saya telah membincangkan dengan terperinci kajian masa lalu dan kerangka teori yang diaplikasikan dalam kajian akulturasi. Bab ini dirasakan penting kerana teori yang diaplikasikan berperanan sebagai asas panduan kukuh terhadap kajian akulturasi berbentuk ilmiah. Oleh kerana kajian ini menjurus kepada bidang kajian komunikasi antarabudaya, maka saya telah menggarap dan menggabungkan dua teori untuk disesuaikan dengan skop kajian. Teori Akulturasi Berry (Berry 1980; 1990; Berry et al. 1986; 1987; 1988; 1989) sering digunakan dalam bidang Antropologi dan Psikologi Sosial untuk menggambarkan tahap akulturasi imigran manakala Kim (1977) telah mempelopori pendekatan teoritis mengenai tingkahlaku komunikasi dalam akulturasi.

Dalam bab tiga, penemuan-penemuan kajian dibincangkan satu persatu mengikut kaedah-kaedah yang telah digunakan. Saya telah memulakan analisis data yang diperolehi daripada kaedah pengamatan turut serta. Kemudian, saya mengemukakan data yang telah dianalisis hasil daripada empat temubual kumpulan fokus yang telah dibentuk. Akhirnya, saya membandingkan dan menggabungkan kedua-dua hasil analisis tersebut. Di akhir bab ini, saya telah melakarkan sebuah model bagi menerangkan hasil analisis mengenai tingkahlaku akulturasi masyarakat Ubian Filipina generasi pertama dan kedua.

Saya membuat rumusan dan perbincangan mengenai akulturasi imigran Filipina generasi pertama dan kedua di Sabah dalam bab terakhir monograf ini. Di sini, kita boleh perhatikan bahawa masyarakat Ubian Filipina masih mengekalkan identiti budaya mereka terutamanya

penggunaan bahasa Ubian sebagai medium perantaraan seharian baik generasi pertama sehinggalah generasi yang keempat. Walau bagaimanapun, ramai daripada mereka sudah mula menerima budaya lokal dengan mempelajari dan menggunakan bahasa Bajau dan Melayu semasa berinteraksi dengan masyarakat tempatan. Masyarakat Ubian ini juga sudah pandai makan sirih, masak masakan tempatan serta mengamalkan beberapa adat istiadat masyarakat tempatan (Bajau) seperti *berinai*, *berunsai* dan *bertitik*. Bak kata pepatah, *masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang harimau mengaum*..demikianlah juga tingkahlaku akulturasi masyarakat Ubian Filipina di Sabah. Namun begitu, identiti budaya asal masih dipelihara dan dipraktikkan sebagai warisan untuk generasi seterusnya.

Karya ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan projek sarjana sastera saya yang dijalankan pada tahun 2000 dan berjaya disudahkan sepenuhnya pada tahun 2001. Hanya sedikit pengubahsuaian dilakukan agar para pembaca dan pengkaji dapat memahami teori dan konteks kajian berhubung dengan pengalaman akulturasi imigran Filipina generasi pertama dan kedua di Sabah. Kajian yang menyentuh persoalan mengenai akulturasi dan identiti budaya ini wajar terus dikaji dalam pelbagai aspek, skop, sampel, lokasi dan sebagainya kerana hubungan antarabudaya sering terjadi di mana-mana negara di dunia. Diharapkan kelahiran karya ini dapat memberi sumbangan dan manfaat dalam disiplin ilmu dan bidang kajian seumpamanya serta kepada para pengkaji seterusnya.



## PENGHARGAAN

Karya ini lahir hasil daripada penyelidikan projek sarjana sastera saya. Justeru, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa penilai, Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menilai penyelidikan ini iaitu Prof. Dr. Samsudin A. Rahim, Prof. Madya Dr. Latiffah Pawanteh dan Encik Mohd Yusof Abdullah. Terima kasih juga buat pewasit, Prof. Dr. Mohd. Raduan Mohd. Ariff kerana sudi membaca dan memberi pandangan terhadap kajian ini. Penghargaan ini juga ditujukan khas buat Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) serta Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana menerbitkan monograf ini.

Karya ini juga tidak dapat disempurnakan tanpa bantuan, dorongan serta nasihat daripada rakan-rakan sekerja di PPIB terutamanya Jawatankuasa Penerbitan, PPIB. Penghargaan ini juga ditujukan buat Dekan PPIB, Prof. Dr. Ahmat Adam atas nasihat, bimbingan dan pandangan beliau. Terima kasih juga buat Encik Abdul Manaf Saad selaku Ketua Unit Penerbitan UMS. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada syarikat Percetakan Pendalaman Keningau yang telah membantu menjayakan penerbitan ini terutamanya Puan Lily Tieu.

Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan diutuskan kepada semua penduduk kampung Baru-Baru, Tuaran, Sabah terutamanya Ketua Kampung Baru-Baru, Encik Jawak Bin Pengiran Ali dan sanak saudaranya serta para responden kajian yang telah memberikan kerjasama kepada saya.

Karya ini juga telah menjejaskan masa berkualiti yang patut saya luangkan bersama keluarga. Justeru, penghargaan ini juga ditujukan istimewa buat suami, Sulaiman Mohd. Sabri, anak kecilku, Syahadan dan cahayamata yang bakal lahir ke dunia tidak lama lagi.

Akhir sekali, kepada sesiapa juga yang telah membantu dan menyumbang kepada pelaksanaan karya ini, terimalah ucapan terima kasih yang tidak terhingga daripada saya. Meskipun ramai individu yang terlibat dalam penerbitan ini, namun, apa juga kesilapan dan kelemahan yang terdapat dalam karya ini adalah hasil kelemahan dan tanggungjawab saya sendiri.

**Halina Sendera Mohd. Yakin**  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
April 2003

# KANDUNGAN

	Halaman
<i>Prawacana</i>	<i>v</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ix</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>xiii</i>
<i>Senarai Rajah</i>	<i>xiv</i>
<i>Senarai Singkatan</i>	<i>xv</i>
<b>Bab Satu Pendahuluan</b>	
Pengenalan kepada bidang kajian: Akulturasi imigran	<i>1</i>
Pendekatan disiplin komunikasi dalam aspek akulturasi para imigran	<i>4</i>
Takrifan konsep-konsep penting	<i>7</i>
Kedatangan imigran ke negeri Sabah	<i>11</i>
Imigran Filipina di Sabah	<i>13</i>
Masyarakat Peribumi Sabah: Orang Bajau	<i>14</i>
Perbezaan antara komuniti Bajau Sabah (Bajau Darat) dan komuniti Ubian Filipina	<i>17</i>
Ruang lingkup kajian: Persoalan kajian	<i>18</i>
Skop kajian	<i>19</i>
Lokasi kajian	<i>20</i>
Kewajaran kajian	<i>21</i>
Rumusan	<i>21</i>
<b>Bab Dua Tinjauan kesusasteraan dan teori</b>	
Pengenalan	<i>23</i>
Akulturasi imigran	<i>23</i>
Metodologi kajian akulturasi	<i>31</i>
Teori kajian akulturasi	<i>32</i>
Kerangka teoritis kajian: Teori Akulturasi Berry dan Teori Komunikasi-Akulturasi Kim	<i>37</i>
Skema analisis data	<i>43</i>
Rumusan	<i>50</i>

<b>Bab Tiga</b>	<b>Penemuan kajian</b>	
	Analisis pengamatan turut serta	51
	Analisis temubual kumpulan fokus	56
	Ulasan analisis	73
<b>Bab Empat</b>	<b>Rumusan dan perbincangan</b>	79
	Akulturası imigran Filipina generasi pertama dan kedua	81
	Implikasi kajian	83
	Implikasi kajian terhadap teori	84
	Implikasi terhadap metodologi kajian	86
	Batasan kajian	87
	Cadangan dan saranan kajian di masa hadapan	89
	Penutup	90
	<i>Bibliografi</i>	91
	<i>Indeks subjek</i>	99
	<i>Indeks nama</i>	105

# SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
1.1 Populasi penduduk Sabah, 1991	15
1.2 Taburan Populasi orang Bajau mengikut daerah, 1991	16
3.1 Contoh ayat dan perkataan dalam bahasa Melayu, Bajau (Darat) dan Ubian	52

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Empat strategi akulturasi berdasarkan orientasi terhadap isu pengekal budaya dan hubungan antara kumpulan	38
2.2	Hubungan antara persepsi terhadap budaya dan empat strategi akulturasi	46
2.3	Hubungan antara perhubungan peribadi dan empat strategi akulturasi	47
2.4	Hubungan antara pengetahuan budaya dan empat strategi akulturasi	48
2.5	Hubungan antara aspek kefasihan berbahasa dengan aspek-aspek pengetahuan tentang budaya, persepsi terhadap budaya dan hubungan peribadi	49
3.1	Model hasil analisis mengenai tingkahlaku akulturasi	76
4.1	Model tentang tingkahlaku akulturasi	85

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>TAB</b>	<b>Teori Akulturasi Berry</b>
<b>TKAK</b>	<b>Teori Komunikasi-Akulturasi Kim</b>
<b>TIS</b>	<b>Teori Identiti Sosial</b>
<b>HPT</b>	<b>Hipotesis Persamaan-Tarikan</b>
<b>MPA</b>	<b>Model Psikologikal Akulturasi</b>
<b>MAP</b>	<b>Model Akulturasi Padilla</b>